

TARIKH	30/3 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	15	RUANGAN	DALAM NEGERI

Seminar tidak singgung sensitiviti pihak lain

KUALA LUMPUR 29 Mac - Seminar 'Pemantapan Akidah, Bahaya Liberalisme dan Pluralisme Serta Ancaman Kristianisasi Terhadap Umat Islam. Apa Peranan Guru?' tidak bertujuan menyinggung sensitiviti mana-mana pihak di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, seminar anjuran Jabatan Pelajaran Johor dan Jabatan Mufti Johor pada 31 Mac ini adalah untuk menjaga kepentingan umat Islam di negeri berkenaan.

Menurutnya, tanggungjawab menjaga kepentingan umat Islam

diletakkan di bawah majlis agama Islam negeri dan pelbagai program diatur bagi tujuan tersebut.

"Saya percaya penganjur seminar berkenaan telah mengambil kira semua aspek dan tidak berniat menimbulkan perkara-perkara negatif," jelasnya pada sidang akhbar selepas majlis penyerahan zakat perniagaan Lembaga Tabung Haji (TH) Wilayah Persekutuan di Ibu Pejabat Tabung Haji di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika

diminta mengulas laporan portal berita The Malaysian Insider semalam, berhubung kenyataan Moderator Belia Majlis Gereja Malaysia (CCM), Chrissane Chin yang mempertikaikan penganjuran seminar tersebut.

Terdahulu, Jamil Khir menyaksikan penyerahan cek zakat perniagaan Tabung Haji bernilai RM3,851,588.72 oleh Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail

kepada Pengerusi Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Datuk Mustafa Abdul Rahman.

Hadir sama Pengerusi Tabung Haji, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor; Pengarah Tabung Haji Wilayah Persekutuan, Hamidun Ibrahim dan Ketua Pegawai Eksekutif PPZ MAIWP, Mohd. Rais Alias.

Dalam perkembangan lain Jamil Khir memberitahu, pembinaan sebuah kompleks perlindungan saudara baru yang diuruskan MAIWP dijangka siap dalam masa dua tahun lagi.

Menurut beliau, kontraktor telah dilantik bagi membina kompleks yang boleh menempatkan sehingga 300 saudara baru di tanah milik MAIWP di sekitar Sentul itu.

"Kompleks berkenaan bukan sekadar tempat penginapan sementara untuk saudara baru. Kami turut menyediakan silibus dan kurikulum pendidikan agar mereka benar-benar memahami Islam," katanya.

Tambah Jamil Khir, MAIWP juga akan berusaha membantu penghuni kompleks perlindungan tersebut yang hilang sumber pendapatan setelah mereka menganut agama Islam.



**JAMIL KHIR
BAHAROM**